

E-BULETIN
EDISI
2023



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



ADAB KEWANGAN DI KALANGAN RAKAN

Lazimnya manusia tidak boleh hidup bersendirian, sebaliknya memerlukan teman atau kawan dalam menjalani liku-liku kehidupan seharian. Kawan ialah orang yang kita oleh berkongsi lebih dari satu perkara seperti minat, hobi, perasaan, perjuangan atau sebagainya. Kawan juga mereka yang selalu berinteraksi dengan kita dan mengenali beberapa fakta peribadi mengenainya. Mereka juga merupakan orang yang rapat dengan kita selain ibu bapa dan keluarga. Dalam soal berkawan kita hendaklah menghormati kawan dengan cara memberi kerjasama atau pertolongan apabila diperlukan, menasihati kawan melakukan kebaikan dan taat kepada perintah Allah sekiranya kawan tersebut terpesong dari lunas-lunas kehidupan yang sebenar, bersopan santun ketika bercakap dengan kawan kita, dan janganlah terlalu banyak bergurau kerana gurauan yang melebihi batas akan mengaibkan kawan dan seterusnya mencetuskan pergaduhan.

*Farrah Othman,
Sharfizie Mohd
Sharip &
Nor'Azurah Md
Kamdari*

*Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Adab apabila berkawan banyak dibincangkan secara meluas, namun adab kewangan menyantuni kawan jarang ditulis namun isu ini selalu berlegar dan jadi perbualan hangat. Tidak kurang ada juga yang menjadikan bahan jenaka dikalangan kawan-kawan.

Ketika kawan belanja kita makan, buat pesanan seadanya

Janganlah kerana kawan belanja, kita mengambil pesanan di luar kebiasaan. Seeloknya biarlah kawan tersebut membuat pesanan terlebih dahulu. Walaupun restoran tersebut punya makanan yang enak-enak, sekat dulu kemahuan yang membuak-buak untuk memesan makanan. Jangan pesan makanan yang lebih mahal daripada si tukang belanja. Ini merupakan adab yang mungkin ramai orang terlepas pandang

Adab ketika meminjam barang

Sila kembalikan barang tersebut dengan kadar segera atau tepat pada waktunya. Selain itu, pastikan dalam keadaan baik. Jangan sampai kawan pula terpaksa bertanya dan meminta barang yang telah dipinjamkan supaya dikembalikan semula. Dahului dengan ucapan terima kasih kerana pemilik barang tersebut sudi meminjamkan barangnya kepada kita. Jadilah kawan yang bertanggungjawab, misalnya apabila kita

meminjam motor kawan, jangan lupa isi penuh tangki minyak motor kawan sebelum dipulangkan. Sejuk sikit hati kawan yang memberi pinjam.

Adab meminjam wang dari kawan

Jika anda kesempitan wang dan mahu berhutang dengan kawan, hendaklah jaga adab ini apabila berhutang supaya hubungan ukhuwah anda dan kawan berkekalan. Ini sangat penting. Bila orang beri hutang, ucaplah terima kasih. Satu ucapan ringkas yang mampu memberi senyuman pada kawan. Bila tak mampu bayar, atau perlu tangguhkan tempoh bayaran, minta maaf elok-elok. Sebaik hutang diselesaikan, ucap juga terima kasih atas pertolongan kawan itu. Jangan bermewahan selagi hutang tidak langcai. Ajaibnya zaman sekarang ramai orang yang memberi hutang yang malu kepada yang berhutang. Bila kita hilang kepercayaan daripada kawan, hubungan ukhuwah akan renggang dan kita mungkin kehilangan kawan. Adab kewangan bila kita berkawan patut diambil berat, kerana bab duit orang tak akan pernah buat-buat lupa.

